



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN KETUA PENGARAH
HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967 BAGI TABUNG PEMBINAAN SEKOLAH**

1. PENDAHULUAN

- 1.1** Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan kelulusan di bawah subsekyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 bagi Tabung Pembinaaan Sekolah (TPS).
- 1.2** Garis panduan ini menerangkan:-
 - i. Kriteria dan syarat-syarat kelayakan TPS untuk permohonan kelulusan subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - ii. Prosedur permohonan oleh Jawatankuasa TPS untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - iii. Tanggungjawab Jawatankuasa TPS selepas mendapat kelulusan subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - iv. Akibat pelanggaran syarat-syarat kelulusan oleh TPS di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - v. Tempoh kelulusan dan lanjutan permohonan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - vi. Kuasa Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) ke atas kelulusan dan pengenaan syarat-syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
 - vii. Layanan cukai ke atas penderma TPS yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

**2. KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN TPS BAGI
PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

2.1 Objektif penubuhan Tabung :

TPS adalah sebuah tabung yang diwujudkan di Malaysia. Tabung tidak bertujuan untuk keuntungan dan ia ditubuhkan semata-mata untuk kutipan dana bagi tujuan pembinaan sebuah sekolah yang akan digunakan sepenuhnya untuk tujuan pembelajaran dan pendidikan pelajar-pelajar sekolah.

2.2 Jenis-jenis pembinaan sekolah :

- (a) sekolah bantuan penuh milik Kerajaan dan bukan milik Kerajaan.
- (b) sekolah swasta yang mengguna pakai kurikulum kebangsaan.

2.3 Syarat bagi pembinaan sekolah :

- (a) Pembinaan sekolah yang berdaftar dan di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia atau Majlis Agama Islam Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri.
- (b) Sekolah yang dibina juga mestilah mengguna pakai kurikulum kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] atau Majlis Agama Islam Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri.

2.4 Pertimbangan amaun kelulusan :

- (a) Jumlah amaun kelulusan yang layak dipertimbangkan adalah terhad kepada kos pembinaan bangunan sekolah itu sahaja. Kos pembinaan sekolah tidak termasuk harga tanah untuk tujuan tapak bangunan sekolah tersebut.
- (b) Amaun TPS yang akan dipertimbangkan juga adalah semata-mata berdasarkan harga pembinaan bangunan sekolah tersebut atau amaun baki yang akan kutipan (kelulusan akan mengambil kira kes telah ada kutipan dana awal atau penerimaan geran atau subsidi daripada pihak tertentu).
- (c) Kos-kos yang berkaitan dengan pembelian peralatan, perabot, dewan, pembaikan dan penyelenggaran dan lain-lain untuk sekolah adalah tidak diambil kira.

2.5 Kelulusan permohonan pembinaan sekolah :

Permohonan mestilah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia/ Jabatan Pendidikan Negeri / Majlis Agama Islam Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri sebelum ianya boleh dikemukakan untuk pertimbangan.

2.6 Komposisi Ahli Jawatankuasa (AJK) TPS :

AJK TPS boleh dilantik daripada kalangan Anggota Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) yang terdiri daripada pemegang amanah, wakil-wakil Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) , Alumni Murid Tua dan sebagainya.

Sekiranya lantikan AJK TPS adalah daripada kalangan bukan LPS, lantikan tersebut mestilah ke atas mana-mana individu yang terdiri daripada orang luar dan bukan ahli keluarga kepada LPS.

LPS yang bertanggungjawab juga tidak boleh membentuk satu gabungan yang mewakili sekolah-sekolah lain seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

2.7 Lantikan wajib :

Anggota Pengurusan Tertinggi LPS wajib dilantik menjadi salah seorang dari AJK TPS .

2.8 Kutipan derma sebelum kelulusan :

Sebarang kutipan derma yang dibuat sebelum kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP ini, tidak akan diambil kira sebagai amaun yang diluluskan bagi tujuan kelulusan subseksyen 44(6) ACP.

2.9 Akaun TPS :

AJK TPS perlu membuka akaun yang berasingan untuk tabung pembinaan sekolah. Semua penerimaan atau perbelanjaan melalui akaun tersebut hanya dibuat bagi kegunaan tabung pembinaan sekolah sepetimana yang dipohon sahaja.

3. PROSEDUR PERMOHONAN OLEH AJK TPS UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967;

- 3.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan adalah Pengurus TPS.
- 3.2 Permohonan hendaklah melalui surat rasmi dengan menggunakan kepala surat rasmi TPS berserta dokumen-dokumen yang lengkap.
- 3.3 Bagi tujuan permohonan, AJK TPS perlu menyatakan dengan jelas alamat surat-menjurat, e-mel dan nombor telefon.
- 3.4 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor.

3.5 Berikut adalah dokumen yang diperlukan bagi setiap permohonan

i. **Sekolah bantuan penuh milik kerajaan dan bukan milik kerajaan**

Permohonan untuk kelulusan TPS bagi sekolah hendaklah dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri.

Satu salinan borang permohonan BPS XIII (yang boleh didapati dari Jabatan Pendidikan Negeri) hendaklah dipenuhi dan dikemukakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri.

Jabatan Pendidikan Negeri yang menyokong permohonan akan kemukakan permohonan tersebut terus kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) atau melalui AJK TPS.

ii. **Sekolah agama bantuan penuh milik kerajaan dan bukan milik kerajaan**

Permohonan untuk kelulusan TPS hendaklah dikemukakan ke LHDNM melalui Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Negeri masing-masing.

Satu salinan borang permohonan "Lampiran A" (yang boleh didapati dari Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri) hendaklah dipenuhi dan dikemukakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan .

Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri yang menyokong permohonan akan kemukakan permohonan tersebut terus kepada KPHDN atau melalui AJK TPS.

Perhatian:

Adalah diingatkan bahawa permohonan TPS hendaklah disokong oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Permohonan yang lengkap akan dipertimbangkan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

3.6 Sekiranya TPS sebelum ini pernah mendapat sebarang kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 untuk tabung pembinaan sekolah, sila kemukakan no. rujukan kelulusan LHDNM.

3.7 Dokumen-dokumen sokongan yang lengkap lain yang diperlukan adalah seperti berikut -

(a) Dokumen berkenaan LPS yang menubuhkan TPS (sekiranya berkaitan):

- i- Salinan sijil pendaftaran dari Pendaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- ii- Salinan peraturan yang mengurus tadbir LPS seperti berikut:
 - Peraturan-Peraturan Pendidikan (Sumbangan) 1962 (Pindaan) 1963, 1966, 1968, 1971 dan 1974;
 - Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan (Suratcara Pengurusan atau Pengelolaan) 1963 (Pindaan) 1966; dan
 - Peraturan-Peraturan Sekolah Bantuan (Pengurusan) 1962.
- iii- Senarai keanggotaan LPS yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang.

(b) Dokumen berkenaan TPS:

- i- Ketetapan atau minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan TPS dan meluluskan Undang-Undang Kecil TPS;
- ii- salinan Kaedah-Kaedah atau Undang-Undang Kecil TPS yang mengandungi fasal-fasal berkenaan nama, alamat, tujuan kawalan pengurusan, kawalan penggunaan kewangan, penyata kewangan kira-kira beraudit, penggunaan kewangan, syarat-syarat pembinaan, pindaan kepada fasal-fasal dan pembubaran Undang-Undang Kecil;
- iii- Senarai AJK TPS yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa tersebut;

(c) Lain-lain dokumen sokongan:

- i- Pelan pembinaan bangunan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan;
- ii- Pecahan anggaran perbelanjaan pembinaan bangunan tersebut dan surat pengesahan kos pembinaan daripada Arkitek bertauliah;

- iii- Sekiranya derma telah mula dipungut dari orang ramai, nyatakan tarikh derma pertama mula dipungut dan juga jumlah yang telah pun dipungut sehingga tarikh permohonan;
- vi- Jumlah bantuan wang Kerajaan (geran/subsidi) atau mana-mana punca yang telah diterima atau dijanjikan jika ada; dan
- v- Surat sokongan atau surat pengesahan bahawa bangunan yang didirikan tersebut hanya digunakan untuk tujuan pembelajaran dan pendidikan pelajar-pelajar sekolah semata-mata.

4. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TPS SETELAH MENDAPAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

4.1 TPS yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:-

i. Objektif kutipan sumbangan dan derma :

Kesemua wang sumbangan dan derma yang telah diterima hendaklah dibelanjakan semata-mata untuk pembinaan sekolah di Malaysia sepertimana yang dipohon dan akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan pembelajaran dan pendidikan pelajar-pelajar sekolah.

Perbelanjaan bagi maksud penyediaan perabot, peralatan, pembaikan, penyelenggaraan dan lain-lain kemudahan bagi sekolah adalah **tidak dibenarkan**.

ii. Tempoh kutipan sumbangan dan derma :

Mengikut tempoh masa pembinaan sekolah iaitu -

- (a) tempoh 3 tahun daripada tarikh kelulusan TPS;
- (b) tempoh pembinaan sekolah siap; atau
- (c) sehingga kutipan telah mencapai jumlah yang diluluskan oleh KPHDN,

yang mana terdahulu.

iii. Lebihan dana kutipan :

Lebihan wang sumbangan dan derma selepas sekolah siap dibina, wang kutipan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN dan didermakan kepada Kerajaan atau organisasi lain yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;

iv. Akaun bank TPS :

Pihak Jawatankuasa TPS perlu membuka akaun bank yang khas bagi penerimaan wang kutipan derma/ sumbangan untuk tujuan pembinaan sekolah.

v. Penyata kewangan TPS :

Penyata kewangan tahunan yang lengkap hendaklah disediakan untuk tabung pembinaan bangunan ini secara berasingan daripada penyata kewangan sekolah dan sesalinan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau juruaudit yang bertauliah hendaklah dikemukakan ke Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM selewat-lewatnya pada 30 Jun tahun berikutnya sehingga pembinaan siap.

vi. Pelantikan dan pertukaran AJK TPS :

Bagi tujuan kesinambungan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 ini berhubung TPS, setiap pelantikan baharu atau pertukaran Ahli Jawatankuasa TPS hendaklah dimaklumkan dalam tempoh 3 bulan dan mendapat **kelulusan dari KPHDN terlebih dahulu**.

vii. Resit rasmi

Semua sumbangan yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi (telah disahkan oleh LHDNM) yang mengandungi maklumat berikut:-

- a. Nama, alamat dan no. telefon tabung pembinaan sekolah;
- b. Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
- c. Tarikh resit;
- d. Nama penderma berserta nombor kad pengenalan/nombor pasport/no.pendaftaran perniagaan dan alamat surat menyurat penderma;
- e. Amaun yang didermakan;

- f. Jawatan pemungut (*collector*) seperti Pengerusi atau Bendahari;
- g. Nombor rujukan kelulusan oleh LHDNM; dan
- h. Tarikh atau tempoh kuatkuasa kelulusan.

vi. Lain-lain :

- a. Institusi atau organisasi dilarang menggunakan logo LHDNM di dalam semua dokumen bercetak, media massa, resit dan sebagainya.
- b. Mengemukakan kepada pihak LHDNM senarai penderma yang telah menderma sebanyak RM20,000.00 dan ke atas.
- c. Satu laporan bangunan yang telah siap dibina berserta surat pengesahan bank berkenaan penutupan akaun hendaklah dihantar ke Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM.

5. AKIBAT PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN OLEH TPS DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 5.1 Sekiranya TPS melanggar mana-mana **syarat kelulusan** yang dinyatakan dalam garis panduan ini atau ACP 1967, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP ini.
- 5.2 Dalam perenggan 5.1, perkataan '**syarat kelulusan**' termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab TPS selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

6. TEMPOH MASA KELULUSAN DAN LANJUTAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 6.1 Tempoh masa kelulusan adalah mengikut tempoh masa pembinaan sekolah iaitu:
 - (a) dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh kelulusan TPS;
 - (b) dalam tempoh pembinaan bangunan sekolah siap; atau
 - (c) sehingga wang kutipan telah mencapai jumlah diluluskan oleh KPHDN, **yang mana terdahulu**.

6.2 Tempoh lanjutan TPS hendaklah dipohon dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tempoh kelulusan tamat berserta alasan dan dokumen sokongan.

6.3 Lanjutan tempoh kelulusan hanya akan diberi pertimbangan oleh KPHDN selepas semakan rekod pematuhan syarat kelulusan terdahulu dibuat .

**7. KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT -
SYARAT DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab TPS yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak mengehadkan atau sebaliknya menjelaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967 berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

**8. LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDERMA TPS YANG DILULUSKAN
DIBAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

8.1 Penderma-penderma yang memberi sumbangan dan derma kepada TPS yang telah diluluskan di bawah kelulusan subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah layak mendapat tolakan cukai terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat individu dan syarikat .

8.2 Hanya derma wang tunai yang disokong oleh resit rasmi yang telah disahkan oleh LHDNM sahaja layak untuk mendapat tolakan cukai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 28 April 2021

s.k : LHDN.01/35/42/51/179-7/aa